

U 8878 AAB  
MAHATHIR - DALAM NEGERI

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MENINGATKAN GOLONGAN YANG BERNIAT MENIMBULKAN HURU-HARA JANGAN MENGANGGAP KERAJAAN LEMAH KERANA SIFATNYA TIDAK SUKA MENGGUNAKAN KUASA SEWENANG-WENANGNYA.

BELIAU JUGA MENINGATKAN GOLONGAN SEUMPAMA ITU SUPAYA JANGAN MENYALAHGUNAKAN SIKAP TERBUKA DAN PRAGMATIS KERAJAAN.

+JIKA KEBEBASAN INI SERING DISALAHGUNAKAN, SIKAP LIBERAL INI TERPAKSA DITAMATKAN+, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, SEMASA MERASHIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-38 DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN BERSIKAP LIBERAL, BERASASKAN KEPERCAYAAN BAHAWA MASYARAKAT MALAYSIA SUDAH DEWASA DAN MATANG SERTA +KENAL ANTARA KACA DENGAN PERMATA+.

PERDANA MENTERI KESAL KERANA RAMAI PIHAK MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA SIKAP PRAGMATIS DAN TERBUKA KERAJAAN DENGAN MENYALAHGUNAKANNYA. -- LAGI  
1230MST 24 04 87

D495

U 8879 AAB  
MAHATHIR - DALAM NEGERI 2 KUALA LUMPUR

KEWUJUDAN BANYAK BAHAN BACAAN TERMASUK YANG MELEMPAR FITNAH DAN TUDUHAN LIAR IALAH KESAN DARIPADA LANGKAH KERAJAAN TIDAK MENGHALANG PENERBITAN AKHBAR, MAJALAH DAN BUKU-BUKU DALAM NEGERI SEJAK 1981-1982.

PENTADBIRAN SEKARANG JUGA TELAH MEMBEBAHKAN ORANG TAHANAN YANG TIDAK BENAR-BENAR MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA.

DARIPADA HAMPPIR 600 ORANG DALAM TAHANAN SEBELUM INI, KINI HANYA 30 ORANG PENGGANAS YANG +HARD CORE+ MASIH DITAHAN, KATANYA. --  
BERNAMA

1231MST 24 04 87